



proceeding
ikmg
Pengukuhan Budi & Jati Diri
2016

JUNE 2016

Tanjung Bidara Resort Melaka



PROCEEDING ISME

**Penyunting:
Ahmadrashidi bin Hasan
Abd. Rasid Bin Ismail
Rosli Zakaria**

**DITERBITKAN OLEH
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Uitm Melaka.**



PROCEEDING ISME

Penyunting

Ahmadrashidi bin Hasan, Abd. Rasid Bin Ismail & Rosli Zakaria

Reka bentuk

Norsharina Samsuri

Hafiz

Diterbitkan oleh:

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka.

Segala pendapat yang diterbitkan di dalam buku ini merupakan pendapat para pengarang dan tidak semestinya mewakili pendapat penerbit.

ISBN 978-967-0637-20-4

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sama ada cara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis dari penyunting dan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Melaka terlebih dahulu.

Cetakan Pertama 2016

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Jawatankuasa Kolokium ISME 2016	5
1. Creative Art Therapy Program: Case Study on Malay Muslim Inmates at Sungai Udang Prison in Melaka	6
Azahar Harun, Rosli Zakaria, Amiruddin Osman, Ariff Ali, Hishamudin Ahmad, Haslinda Abd Razak, Meor Hasmadi Meor Hamzah	
2. Contemporary Islamic Art of Iraq Country: It's Appreciation	15
Fatimatuzzaharah Mohd Kidin	
3. Standardizing Malaysian Vehicle Registration Number Plate	22
M. R. Ruzalia & G. Daimin	
4. Using Photographic Images as an Alternative Method To Learning Process In Pre-School Level	32
Farihan Zaharia, Fatrisha Mohamed Yussof, Nurkhozilah Idris, Aidah Alias	
5. A Study of The Malaysian Youth Perception Toward 'Muslim Pro' Apps Through Smart Phone in Malaysia Using Technology Acceptance Model (TAM)	36
Hafizah Rosli & Dr Ruslan Abd Rahim	
6. Interactive Multimedia: HajjEdu Kiosk	42
Ilinadia Binti Jamil & Zainal Bin Kadir	
7. A Visual Analysis: 3D Computer Graphic with Narrative Structure of Adhan Recitation	50
Lili Eliana Mohd Radzuan, Wan Nur khalisah Shamsudin, Mohamed Razeef Abd Razak & Azahar Harun	
8. The Role of Visual Communication in Improving Images of Malaysian Secondary School Textbooks	59
N. Yusof & G. Daimin	
9. The Styles of Illumination In Al-Qur'ans of The Malay World	66
N.H.M. Din, D.H.M. Zain, M. Mokhtar	
10. Artistik Rhiz : Seni Rupa Kontemporari Malaysia	73
Shahariah Mohamed Roshdi , Dr. Abd. Rasid Bin Ismail & Mohd Haniff Mohd Khalid	
11. Penilaian Pengunjung Terhadap Pameran Karya Seni "Travelog" Pelajar Seni Halus UiTM Melaka	80
Amiruddin Osman, Dr Rosli Zakaria, Shahrul Munir Mohd Kaulan	

12. **Compilation Theory Of Malay Malay Aesthetics: Concept Malay Beauty In Arts** 86
Nurkhazilah Idris, Ruzaika Omar Basaree, Fazlina Mohd Radzi, Fatrisha Mohd Yussof, Farihan Zahari & Shaliza Dasuki.
13. **Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu** 95
Dr. Abd. Rasid Bin Ismail , Shahariah Mohamed Roshdi & Prof. Madya Dr Ahmad Rashidi Bin Hasan
14. **Geometri dalam Rekabentuk Naskhah Dala'il al-Khayrat: Suatu Kajian Awal** 104
A. Abdullaha* dan S. Silahb
15. **Exploring An Art Photography Movement In Malaysia (1900-2000)** 112
Raziq Abdul Samat, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain, Shafirah Shaari, Dona Lowii Madon, Aidah Alias & Mohd Fakhrul Rodzi Abd Ghapur
16. **Penghayatan Budaya Kebangsaan Dalam Karya Animasi Malaysia Pasca-Merdeka** 116
Shaliza Dasukia, Nurkhazilah Idrisa, Nurhasliza Abdulahb dan Norhazalen Haji Saadc
17. **Appreciating Islamic Contemporary Art of Afghanistan Country** 125
Nurul Syazlina Bt Che Yusof, Nor Kamalia Bt Mohamed Saat, Prof. Dr. Dzul Haimi Md Zain, Dr. Mumtaz Hj Mokhtar
18. **Describing Advertising Approach By Ministry Of Health Malaysia For Public Service Annouement Campaign: Case Study On Anti Dengue Campaign In Press Ad** 130
Norsharina Samsuri, Anith Liyana Amin Nudin
19. **Penyimpanan Dan Pendokumentasian Karya Kreatif Di Fssr, UiTM Melaka** 135
Haslinda Abdul Razak¹, Nur Hasliza Abdulah², Azni Hanim Hamzah³, Nurul Izza Ab Aziz⁴, Wan Nor Ayuni Wan Mohd Zain⁵, Noor Hafiza Ismail⁶
20. **Stail Abstrak Arca Awam Kuala Lumpur : Refeleksi Terhadap Tegahan Agama Islam Membina Arca Berbentuk Figura Bernyawa.** 144
Dr. Rosli Zakaria
21. **Kartun Editorial Internet Indie Melayu: Kritikan Politik Dan Sosial Melalui Rangkaian Sosial Facebook Bertemakan Pribahasa Lama Melayu** 159
Fazlina Mohd Radzi, Shahariah Mohamed Roshdi, Nurkhazilah Idris
22. **Creativity and Inspiration Woven Technique By Using Excessive Plastic Bag** 167
Azni Hanim Hamzah,^a Salina Abdul Manan^b , Noor Hafiza Ismail^a , Nurhikma Mat Yusufa , Nurul Izza Ab Aziza
23. **Sustainable Furniture Design: An Alternative Approach To Enhance Learning Process In Autism Classroom** 174
1Nurhikma Bt Mat Yusof, 2Rosaliana Bt Rahim, 3Ridzuan Adli Bin Azidin

JAWATAN KUASA

ISME 2016

Penaung	PM Dr. Mohd Adnan Bin Hashim
Penasihat 1	Dr. Rani Diana Binti Othman
Pengerusi Timbalan Pengerusi	Dr. Azahar Bin Harun Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Ketua Projek Pen. Ketua Projek	PM Dr. Ahmadrashidi Bin Hasan Dr. Rosli Bin Zakaria
Setiausaha Timbalan SU 1 Timbalan SU 2	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Nurkhazilah Binti Idris Cik Fazlina Binti Mohd Radzi (Penerimaan Abstrak & Kertas Kerja)
Wakil Bendahari Fssr	Puan Azni Hanim Bin Hamzah
Editor	Dr. Abd. Rasid Bin Ismail (Ketua) Dr. Rosli Bin Zakaria PM Dr. Ahmadrashidi Bin Hasan Dr. Azahar Bin Harun
Tempat & Kemudahan	Puan Shaliza Binti Dasuki Cik Noor Hafiza Binti Ismail
Jk Dokumentasi	En. Raziq Bin Abdul Samar En. Meor Hasmadi Bin Meor Hamzah En. Mohd Hanif Bin Mohd Omar Cik Aidah Binti Alias
Jk Seranta & Publisiti	En. Ridzuan Adli Bin Azidin Cik Nurhikma Binti Mat Yusof
Jk Penyambut Tetamu & Protokol	En. Arif Bin Ali Tuan Haji Abd. Wahab Bin Muhammad Puan Shahariah Binti Mohd. Roshdi Cik Rosaliana Binti Rahim
Jk Sijil & Cenderamata	Puan Nur Hasliza Binti Abdullah Puan Nurul Izza Bin Ab. Aziz
Jk Jemputan	Puan Haslinda Bin Abd. Razak
Jk Teknikal & Logistik	En. Hisammudin Bin Ahmad En. Rafuzan Bin Jaafar
Jk Pereka	Puan Norsharina Binti Samsuri (Ketua) Puan Anith Liyana Binti Amin Nudin Puan Fatrisha Binti Mohamed Yussof
Jk Pendaftaran	Cik Fazlina Binti Mohd Radzi Puan Azni Hanim Bin Hamzah Cik Siti Sarah Binti Adam Wan

STAIL ABSTRAK ARCA AWAM KUALA LUMPUR : REFELEKSI TERHADAP TEGAHAN AGAMA ISLAM MEMBINA ARCA BERBENTUK FIGURA BERNYAWA.

Dr. Rosli Zakaria
Pensyarah Kanan Jabatan Seni Halus
FSSR UiTM Melaka
*koresponden penulis: roslizakaria@yahoo.com

Abstrak

Kepesatan pembangunan serta komodenan bandaraya Kuala Lumpur telah membuka peluang kepada arca awam berkembang seiring dengan binaan-binaan yang lain. Arca awam yang wujud di Bandaraya Kuala Lumpur mampu menjadi ikon bagi Bandaraya Kuala Lumpur seterusnya negara Malaysia. Arca awam mempunyai peranan dalam mengimbangi kemajuan fizikal serta mampu menjadi alat untuk mengekspresikan sesuatu yang menjadi dasar-dasar kerajaan. Dalam kertas kerja ini, kajian telah dibuat dengan mengambil sebanyak 50 buah awam di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Arca-arca tersebut telah dipilih untuk dijadikan data kajian. Kajian ini telah dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan dua kaedah iaitu pengamatan (obesravation) dan analisis isi (content analysis). Dapatan kajian telah menyatakan bahawa dua kategori arca awam telah dikenalpasti dari segi stailnya iaitu arca awam berbentuk realistik dan arca awam berbentuk abstrak. Hampir kesemua arca awam berstail realistik telah dihasilkan di tahun 20an hingga 60an terutamanya oleh pengarca luar negara. Kongres Kebudayaan 1971 dan konvensyen akar-akar pribumi telah menjadi pemangkin kepada pengarca menghasilkan arca abstrak yang mempunyai identiti tempatan. Menjelang tahun 1980 telah muncul gerakan islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia, ini turut menjadi pemangkin kepada penghasilan arca bersifat abstrak. Stail abstrak yang dibawa oleh pengarca tempatan merupakan jawapan kepada penolakan arca berbentuk realistik khususnya yang menampilkan imej bernyawa. Selepas hampir 30 tahun merdeka barulah muncul pengarca tempatan menghasilkan arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga kini kesedaran perlunya ruang terbuka diisi dengan arca awam semangkin rancak berlaku, keperihatin pihak kerajaan maupun swasta memberi kemungkinan yang menarik untuk arca awam berkembang di Malaysia. Arca bersifat abstrak memberikan penampilan moden terhadap bangunan dan persekitarannya dan yang lebih menarik lagi arca awam yang sedemikian menjadi jawapan kepada larangan agama islam terhadap arca yang dihasilkan dari subjek makhluk bernyawa. Malaysia harus berbangga dengan setiap arca awamnya yang mempunyai identiti islamik serta mencerminkan identiti lokal.

KataKunci: Arca Awam, Refelaksi, Stail Abstrak, Realistik, Larangan Agama

Pengenalan

Arca seperti mana kesenian lain telah bergerak didalam evolusinya tersendiri. Sejarah awal telah membuktikan kewujudan seni arca berkait rapat dengan bentuk-bentuk figura manusia yang bersandarkan kepada unsur-unsur kepercayaan dan keagamaan. Arca yang wujud sejak zaman pra sejarah seperti Venus of Willendorf mirip untuk menggambarkan kepercayaan masyarakat kepada dewa-dewi dan semangat kesuburan. Arca berbentuk figura yang menggambarkan aktiviti sukan turut ditemukan di Zaman Yunani Tua. Cipatan arca bersumberkan figura manusia juga boleh dilihat dari satu zaman ke satu zaman, seperti Zaman Kuno Mesopotamia seterusnya Egypt, Greece maupun zaman Rom. Menginjak ke era Renaissance dan Barougue di Itali pada abad ke 15, 16, dan ke 17 konsep penghasilan arca masih berkait rapat dengan ciri-ciri keagamaan, khususnya Kristian. Pengarca-pengarca seperti Donaello, Michelangelo dan Benini menghasilkan arca-arca yang berkaitan ugama kristian untuk tujuan pendidikan serta panduan buat penganutnya. Di era ini ketaksuban terhadap manusia lebih ketara. Manusia dianggap cukup sempurna, lantas kebanyakan arca di barat menjadikan manusia sebagai sumber utama di dalam bentukan arca mereka.

Perkaitan seni arca dengan unsur-unsur keagamaan lebih ketara didalam agama Buddha dan Hindua. Arca-arca Buddha dan Sivanataraja sering kelihatan dalam masyarakat yang menganut faham tersebut. Malahan di dalam kesenian Afrika dan seni-seni pribumi juga jelas figura dan haiwan menjadi subjek arca yang berbaur dengan kepercayaan dan keagamaan.

Maka tidak hairanlah tanggapan seni arca itu, adalah seni yang melibatkan penghasilan patung-patung yang berkait rapat dengan unsur keagamaan. Anggapan sebegini turut subur di Malaysia apabila membicarakan soal perkembangan arca di Malaysia terutamanya di peringkat awal perkembangan arca iu sendiri. Sejarah seni tempatan seringkali menjadikan faktor ini sebagai salah satu punca pergerakan seni arca lambat jika dibandingkan dengan seni dua dimensi. Di dalam buku beliau T.K. Sabapathy menyatakan bahawa,

Ketiadaan satu tradisi dalam seni tampak dan plasitik di Negara ini sebelum kurun ke -20 dapat dikatakan kerana latarbelakang keislamannya dan kerana ikatannya yang kuat pada tradisi budaya pertukangan. Tradisi Islam yang menolak gambaran berikonografi dapat dikatakan mengesahkan amalan historikal yang lebih lazim iaiu gambaran lambang-lambang dalam tradisi-tradisi pertukangan. (Tinjauan Seni Arca Moden Malaysia, T.K. Sabapathy 1976)

Menjelang lewat abad ke18 seterusnya abad ke 19, abad ke 20 dan abad melinium, arca sering dirujuk sebagai sebuah hasil seni moden. Dengan mengambil kira aliran seni moden ini, maka arca telah bergerak dengan aliran-aliran seperti Neoclassicim, Romanticism, Fotography, Realisme, Impressionisme, Post-Impressionisme, Fauvisme, Exspressionisme, Cubisme, Constructivisme, Surrelisme, Dadasime, Pop-art, Optical Art, Kinetic Art, Minimalisme, Conseptual, dan Post Modern. Dalam konteks perkembangan arca di Malaysia perubahan ketara turut berlaku khususnya selepas berlakunya Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) diikuti dengan seminar akar-akar pribumi yang banyak membincangkan perihal dasar kebudayaan yang harus dijadikan ikutan masyarakat di Malaysia. Menjelang tahun 1980an gelombang islamisasi serta penerapan nilai seni Islam turu menjadi pemangkin kepada kewujudan arca yang bersifat abstrak.

Objektif Kajian

1. Kajian ini ingin membuat perbandingan terhadap bentukan arca awam yang bersifat realistik dengan arca awam yang bersifat abstrak.
2. Menganalisa dan mentafsir makna tersirat di sebalik sesebuah arca bersifat abstrak.

Kaedah Kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhannya. Ia melibatkan kerja-kerja perpustakaan dan lapangan. Kajian perpustakaan telah melibatkan pencarian maklumat dan data di dalam pelbagai penerbitan serta penulisan. Maklumat dan data-data tersebut telah diperolehi dari beberapa perpustakaan seperti Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam, Perpustakaan UiTM Melaka, Arkib Negara, Pusat Sumber Balai Seni Visul Negara dan Galeri Seni FSSR, UiTM Shah Alam. Selain itu sumber dari Internet turut membantu di dalam mengumpul maklumat-maklumat yang dikehendaki. Maklumat dan data yang diperolehi disimpan dalam bentuk salinan photo, catitan dan rajah.

Bagi melaksanakan kajian lapangan pula pengkaji telah menggunakan teknik pemerhatian dan temuramah. Untuk mendapatkan data-data bagi tujuan penganalisan, kajian lapangan telah dilaksanakan dengan mengunjungi lokasi wujudnya sesebuah arca awam. Kesemua data yang terdapat di lokasi tersebut telah dirakamkan secara fotografi ataupun video. Di samping itu sebarang maklumat turut di catitkan di dalam buku log yang dikhaskan untuk kajian ini. Bagi kaedah temubual, ia telah dilakukan dengan menemubual pengarca-pengarca yang terlibat menghasilkan arca awam yang dikaji juga dengan tokoh-tokoh Seni Halus negara dan ahli akademik yang terlibat secara langsung dengan bidang arca awam. Temubual diadakan secara tertutup dan berstruktur. Segala maklumat dan data

yang dinyatakan oleh pihak yang ditemubual telah dirakamkan dengan video. Kesemua data-data yang telah diperolehi dari kaedah perpustakaan dan lapangan dibawa pulang, dikumpul dan dianalisis untuk mendapatkan rumusan kepada kajian ini

Latarbelakang Arca Awam di Bandaraya Kuala Lumpur

Dalam konteks Malaysia, sejarah perkembangan arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai rentetan yang berkait rapat dengan perkembangan, budaya, politik dan ekonomi negara. Selaku Ibu Kota Malaysia, apa jua aktiviti maupun tindakan adalah indikator kepada negara. Kuala Lumpur merupakan rujukan buat negeri-negeri lain yang bernaung di bawah bumbung Malaysia. Dalam konteks kajian ini, arca awam di Kuala Lumpur amat bertepatan menjadi rujukan dalam melihat perkembangannya secara menyeluruh di Malaysia.

Secara umum sejarah arca awam di Kuala Lumpur boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu , arca awam di zaman penjajahan (1985-1957), arca awam selepas kemerdekaan (1957-1980) dan arca awam era 1990 hingga kini. Setiap peringkat perkembangannya mempunyai ciri-ciri tersendiri. Arca awam pada zaman kolonial lebih bersifat mengagungkan seseorang dan ia sering merujuk kepada subjek figura manusia khususnya tokoh-tokoh penjajah yang dianggap hero oleh mereka. Manakala tanggapan masyarakat ketika ini masih menggunakan pandangan-pandangan barat yang lebih terarah kepada sudut agama. Arca dianggap patung dan berhala oleh masyarakat tempatan ketika itu. Sementara itu arca awam mula berkembang dengan identiti tempatan apabila memasuki era selepas merdeka sehingga tahun 1980-an. Pendidikan formal yang diperolehi di luar negara oleh sebilangan karyawan seni Malaysia memberi nafas segar kepada perkembangan seni arca awam tersebut. Ini diikuti dengan tertubuhnya institut seni tempatan yang turut melahirkan pengarca-pengarca yang akhirnya mampu membina arca awam yang punya nilai-nilai tempatan. Antara ciri-ciri yang menarik karya arca awam pada era ini adalah keupayaan pengarca mengupas persoalan tradisi dan pribumi seperti yang disarankan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971 dan Seminar Akar-akar Pribumi 1976. Dapat dilihat bentuk luaran serta makna dalaman sesebuah arca awam ketika ini mempunyai imej dan gambaran yang mewakili nilai tradisi dan pribumi.

Bagi era 1990 hingga kini, Arca Awam di Kuala Lumpur bergerak pantas dan diterima baik oleh masyarakat. Pengiktrafan demi pengiktrafan telah diterima oleh pengarca tempatan. Amat membanggakan ramai pengarca tempatan mampu membina arca awam bukan sahaja di Bandaraya Kuala Lumpur tetapi di negeri-negeri lain malahan di negara Asia dan ASEAN. Kemunculan pengarca muda dengan pemikiran dan wawasan yang jelas membolehkan arca awam berkembang dengan pantas di era ini. Keupayaan pengarca tempatan yang mendapat didikan dalam negara turut dikagumi, ini sebagai tindak balas kepada salah satu slogan yang penting dalam era ini iaitu 'Malaysia Boleh'. Arca awam ketika ini bebas berdiri tanpa terpengaruh dengan prinsip dan pemahaman dari negara barat. Malahan dapat disimpulkan bahawa kewujudan bentuk-bentuk abstrak dalam arca awam masa kini bergerak selari dengan kehendak agama yang menolak gambaran figura dan benda bernyawa. Konsep dan prinsip yang sedemikian pastinya bukan dari barat. Sepanjang tiga era ini sebanyak 50 buah arca telah dikenalpasti yang meliputi pelbagai imej dan isu berdasarkan situasi dan masa ia dihasilkan. Bermula dengan arca "Frank Swettenham" hinggalah arca "Segerak-One Movement, 1Malaysia" perkembangan arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur masih mudah disusuri seiring dengan usia dunia arca yang masih muda jika dibandingkan di peringkat dunia.

Secara dasarnya kewujudan arca awam di bandaraya Kuala Lumpur ini disebabkan lima faktor utama. Pertama adalah faktor sejarah, ini melibatkan arca awam yang dibina sebagai satu tanda bagi mengingatkan sesuatu peristiwa, tokoh ataupun untuk menjadi dokumen. Dalam konteks ini kebanyakan arcanya dibiayai dengan cara sumbangan yang diperolehi dari sumber-sumber tertentu, contohnya arca "Frank Swettenham" (1921) telah disumbangkan oleh rakan dan sahabat handai Residen British tersebut. Arca awam "Keris" (1998) pula telah disumbangkan oleh kerajaan United

Kingdom sempena Sukan Komanwel yang dilangsungkan di Kuala Lumpur. Faktor kedua adalah pembiayaan oleh syarikat swasta. Penyumbang terbanyak adalah dari syarikat kewangan seperti Malayan Banking Berhad, Publik Bank, UMBC, ING, Hong Kong and Shanghai Bank dan Bank Negara Malaysia. Selain itu syarikat Axiata, Petronas, Selangor Dredging Bhd, MidValley City Sdn Bhd dan Yayasan Al- Bukhary.

Faktor ketiga adalah dasar kerajaan yang secara tidak langsung menggalakkan pembinaan arca awam khususnya dalam menyampaikan ideologi negara. Era pemerintahan Tun Dr Mahathir sering diakui menjadi pemangkin kepada apa jua bidang termasuklah arca awam. Dasar-dasar maupun polisi yang dibawa diterjemahkan oleh pengarca dan dipersetujui sendiri oleh Tun Dr Mahathir. Contoh arca yang sedemikian adalah seperti arca “Wahdah” (1997), “Bull and Bear” (1997), “Tunku Abdul Rahman” (1994). Selain itu wawasan kerajan seperti Wawasan 2020 dan terkini Konsep 1 Malaysia juga menjadi pemangkin kepada kewujudan arca awam. Arca-arca di taman Wawasan Publik Bank membawa konsep Wawasan 2020 dan arca “Segerak-One Movement, 1 Malaysia” di Menara Maybank membawa konsep 1 Malaysia.

Faktor keempat adalah melalui pertandingan yang diadakan samada oleh pihak swasta ataupun kerajaan. 5 Arca awam di Balai Seni Lukis Negara merupakan satu contoh bagaimana melalui pertandingan arca awam boleh terbina. Begitu juga arca yang berjudul “Butterfly” (1985) di Bangunan ING Insurance, “Time and Space” (1993) di Planetarium, dan arca dinding di bahagian dalam bangunan KWSP. Faktor kelima kewujudan arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur adalah berlangsungnya Simposium Arca Peringkat ASEAN yang berjaya mewujudkan 6 arca dari pengarca-pengarca dari negara-negara ASEAN. Simposium arca merupakan satu landasan yang penting di negara maju dan di sebahagian negara Asia seperti di China, Vietnam dan kini menular di Asia Barat seperti di Iran dan Dubai. Faktor kelima ini mempunyai keistimewaan tersendiri disebabkan suasana penghasilannya lebih berorientasikan kerjasama dalam kelompok pengarca yang menyertai sesuatu simposium tersebut dalam jangka waktu yang telah ditetapkan.

Arca awam di Kuala Lumpur berkembang melalui tiga fasa utama dan sehingga kini ia masih berterusan samada di Kuala Lumpur maupun di bandar-bandar lain di Malaysia seperti di Pulau Pinang dan Johor. Bermula dengan arca “Frank Swettenham” (1921) yang tebal dengan wajah penjajah hinggalah arca “Segerak-One Movement, 1 Malaysia” (2010) yang membawa jati diri dan wawasan jelas Kuala Lumpur sekali gus Malaysia.

Stail Realistik Arca Awam di Kuala Lumpur

Stail realistik dalam arca awam di Malaysia tidak sesubur seperti di negara-negara barat. Tetapi kewujudan kebanyakan arca awam realistik di Malaysia telah ditangani oleh pengarca-pengarca luar yang diminta oleh pihak tertentu menghasilkannya. Melalui kajian yang telah dibuat, terdapat 11 buah arca awam yang dikenal pasti sebagai mewakili stail realistik. Dari 11 buah arca tersebut terdapat enam buah arca menggunakan subjek manusia dalam arcanya. Ini dapat dilihat dalam arca “Frank Swettenham” (1921), arca dinding di Bangunan RRIM (1936), arca dinding Bangunan Lembaga Getah Malaysia (1965), “Tugu Negara” (1966), arca “Tunku Abdul Rahman” (1967), dan arca “Tunku Abdul Rahman” (1994) di Memorial Tunku Abdul Rahman. Manakala dua buah arca realistik menjadikan haiwan sebagai subjek utamanya iaitu karya “Bull and Bear” (1997), “Lion” (1994). Dua karya realistik menggunakan tulisan jawi iaitu “Allah” (2001) “Kalimah Sahadah” (2001) dan satu karya menjadikan keris Jawa Demam sebagai subjeknya iaitu arca “Keris” (1998).

Dalam konteks arca awam yang berstailkan realistik, rumusan awal dapatlah dikatakan bahawa arca awam yang wujud dalam bentuk realistik di Bandaraya Kuala Lumpur samada di zaman penjajah (British) atau selepas merdeka memberikan cerminan sejarah Kuala Lumpur sekaligus negara. Arca awam ketika itu dibina tanpa mengambil kira fahamam atau falsafah tempatan. Ia lebih bersifat arca dari sudut pandangan barat. Penggunaan imej tokoh-tokoh penjajah maupun tempatan pada dasarnya lebih bersifat sebagai objek untuk dihargai dan diingati. Arca seperti “Frank Swettenham” dan “Robert

Walker”, jelas memberi indikator kewujudan penjajah di bumi Malaysia diikuti dengan arca selepas merdeka namun tidak terpancar nilai merdeka itu di dalam arca besar seperti “Tugu Negara” yang masih menggunakan bangsa penjajah sebagai pengarcanya. Namun sedikit mengembirakan apabila pengarcanya telah menggunakan orang tempatan untuk dijadikan model wajah-wajah askar yang ada di dalam Tugu Negara tersebut. Begitu juga dengan arca yang bersifat tanda peringatan buat seorang hero tempatan seperti arca “Tunku Abdul Rahman” turut dihasilkan oleh pengarca bangsa penjajah. Sedikit kelainan dengan arca dinding di RRIM, iaitu secara keseluruhan arca dinding tersebut sebagai satu catatan tentang perusahaan getah di Malaysia. Pengarcanya turut didatangkan dari negara luar. Dan arca ini kekal sebagai sebuah dokumen sejarah yang bernilai tinggi seiring dengan taraf bangunannya yang telah diistiharkan sebagai salah satu objek Warisan Negara. Arca “Keris” di hadapan Stadium Bukit Jalil pula membawa kekuatan tersendiri dengan bentuk realistiknya. Dengan menjadikan keris Jawa Demam sebagai subjek rujukan, arca ini bukan sahaja menjadi lambang kuasa malahan sebagai pengiktirafan bekas penjajah terhadap kejayaan dan kemajuan negara masa kini. Walaupun menggunakan pengarca barat namun kerjasama pengarca tempatan memainkan peranan penting di dalam penghasilannya, ini turut menandakan pengiktirafan kepada pengarca tempatan dalam penglibatan arca awam. Perkara tersirat yang boleh diperolehi dari situasi ini adalah setelah 78 tahun (arca Frank Swettenham, 1921) perkembangan arca awam yang dimulakan oleh pengarca barat dengan arca-arca hero mereka telah diambil alih oleh kepakaran pengarca tempatan dengan ‘hero’ (tidak berupa figura) tempatan. Boleh dinyatakan kejayaan arca “Keris” di Bukit Jalil tidak akan terjadi dengan usaha Lawson Baker semata-mata tanpa kepakaran Ramlan Abdullah. (diceritakan oleh Ramlan bagaimana di peringkat awal bentuk luk keris yang dihasilkan agak teruk sehinggalah diperbaiki oleh beliau, begitu juga corak di hulu keris tersebut yang perlu diperkemas hinggalah wujud bentuk seperti sekarang).

Namun begitu ketrampilan pengarca tempatan di dalam penghasilan arca di Malaysia lebih awal bermula iaitu mulai tahun 1980-an tetapi dengan membawa stail abstrak. Sementara itu karya-karya realistik turut mengambil subjek haiwan sebagai rujukannya. Arca “Singa” dan “Bull & Bear” oleh Mohd Shabuddin menjadi antara karya arca yang penting menjelang tahun-tahun 1990-an. Arca yang berstailkan realistik ini memberi dimensi baru dimana ia mampu memberi imej korporat bagi HSBC dan BSKL yang bergerak dalam bidang ekonomi.

Melihat secara keseluruhan arca awam yang berstailkan realistik, ia mempunyai kepentingannya tersendiri terutamanya dalam konteks bandaraya Kuala Lumpur sebagai ibu negara. Hasil-hasil arca tersebut mampu memperlihatkan perkembangan fizikal dan peristiwa-peristiwa penting negara. Kewujudan fizikal arca realistik ini mampu memberi indikator sesuatu zaman dan peristiwa. Sebagai contoh arca “Frank Swettenham” mampu memberi indikator zaman penjajahan oleh British pernah berlaku di negara Malaysia, manakala arca “Keris” di Bukit Jalil mampu memberi indikator peristiwa Sukan Komanwel pernah dianjurkan dengan jayanya di Kuala Lumpur. Boleh disimpulkan juga kewujudan arca-arca realistik di Kuala Lumpur membuktikan perkembangan arca di Malaysia mempunyai pengaruh kuat dari barat terutamanya di tahun 1920-an hingga tahun 1970-an.

Stail Abstrak Arca Awam di Kuala Lumpur

Perkembangan arca abstrak dunia turut memberi pengaruhnya di dalam perkembangan arca awam di Malaysia. Bentuk arca yang tidak menggambarkan sesuatu secara tepat seperti arca realistik memberi kelebihan kepada pengarca Malaysia dalam mempelbagaikan bentuk-bentuk arca yang terkini. Larangan agama Islam dalam menghasilkan bentuk manusia secara realistik menjadi pendorong yang kuat kepada pengarca Malaysia untuk menghasilkan arca-arca berbentuk abstrak. Simposium Arca ASEAN Ke 5 yang telah diadakan di Malaysia pada tahun 1987 turut menekankan persoalan ini, Malaysia recommends that the sculpture should be non-figurative. This is to ensure that the country's Islamic principle, cultural values, social sensitivities and political outlook be maintained.” (Balai Seni Lukis Negara, 1987).

Sesebuah arca awam yang dibina dengan mengambil pendekatan stail abstrak sebenarnya mampu memberi seribu tanggapan maupun tafsiran. Namun begitu ia tidak semudah melihat arca awam yang membawa pengertian secara terus melalui bentuk-bentuk realistik seperti mana yang telah dibincangkan di bab 5. Di Bandaraya Kuala Lumpur arca awam dengan stail abstrak mula muncul di era selepas merdeka. Faktor pembangunan fizikal Kuala Lumpur khususnya kemunculan bangunan-bangunan baru yang menghiasi Bandaraya Kuala Lumpur menjadikan arca awam punya potensi yang baik untuk menyeimbangi kederasan teknologi pembinaan bangunan itu sendiri. Perkembangan arca awam berstailkan abstrak di Bandaraya Kuala Lumpur dibahagikan kepada fasa 1980-an, fasa 1990-an, dan fasa 2000 hingga kini. Bagi tahun-tahun sebelumnya (era penjajah, 1960-an dan 1970-an) perkembangan arca awam di Malaysia khususnya di Kuala Lumpur tidak memperlihatkan bentuk-bentuk arca yang bersifat abstrak. Pembahagian yang dilakukan berdasarkan tahun tersebut, menghasilkan perincian seperti berikut iaitu arca awam yang dihasilkan sepanjang tahun 1980-an adalah sebanyak 13 buah. Arca awam di tahun 1990-an sebanyak 11 buah dan bagi tahun 2000 hingga kini (2011) sebanyak 18 buah arca. Berdasarkan angka tersebut, jelaslah bahawa perkembangan arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur kian diberikan perhatian dan berkembang agak memuaskan.. Dalam kelompok abstrak ini terdapat 39 arca awam yang pelbagai penampilannya. Suatu yang amat ketara adalah dari segi bentuknya yang tidak memaparkan sesuatu objek dengan jelas dan tepat seperti mana dalam karya-karya arca realistik. Stail abstrak ini, menurut T.K.Sabapahty (1996) telah dipengaruhi oleh Faktor dasar kebudayaan 1970-an, dan kesedaran Islamik yang melanda Negara ketika itu. Manakala pendidikan juga menjadi pemangkin kepada kewujudan arca awam yang menolak penampilan realistik.

Kewujudan arca awam yang bersandarkan kepada stail abstrak sememang amat ketara di Bandaraya Kuala Lumpur mulai tahun –tahun 1980 hingga 2010. Ini terbukti dengan terdapatnya 39 arca dari 50 arca yang telah dipilih sebagai data kajian merupakan arca yang menggunakan pendekatan abstrak. Berdasarkan pensejarahan seni, stail abstrak ini membawa konotasi moden. Lantas arca-arca yang sedemikian dapat dikatakan satu penampilan arca yang membawa aliran modenisma di dalamnya. Tanggapan sedemikian berlaku apabila perbandingan dibuat dengan bentuk-bentuk arca yang berstailkan realistik. Kemodenan disini tidak bermaksud secara khusus tentang sesuatu era ataupun zaman.

Arca abstrak dalam kajian ini telah dikelompokkan dalam beberapa pendekatan atau aliran yang dibawa oleh pengarca-pengarca terdahulu, khususnya berdasarkan pensejarahan seni barat. Antara aliran tersebut adalah kubis (cubism). Diantara arca yang menggunakan asas kubis didalam penghasilannya adalah seperti arca “Pribumi” oleh Ariffin Mohd Ismail, Vision 2020 oleh Zakaria Awang. Seni Optik (optical art) walaupun sering digunakan di dalam karya dua dimensi namun di dalam kajian ini terdapat beberapa arca telah menggunakan pendekatan tersebut iaitu “The wave”, 2006, “The Breeze”, 2004, dan “Patience” 2007 oleh Mutalib Musa. Selain itu aliran konstruktif (constructivitif) banyak dapat dilihat dalam karya-karya Ramlan Abdullah dengan arca-arca seperti “Wahdah”, 2007, “Unity in Diversity”, 2000, dan “Prisms by Axiata”, 2011. Bagi arca “Keris”, 1987 oleh Abdul Latiff Mohidin dan arca “Segerak- One Movement, 1Malaysia 2010 oleh Yusof Ghani jelas membawa aliran expressionism sepertimana karya-karya catan mereka.

Kebanyakan arca abstrak yang terdapat di dalam kajian ini mempunyai rujukan tertentu yang boleh dikenalpasti. Objek atau imej yang menjadi rujukan tersebut telah melalui proses pengubahsuaian, pengurangan dan pengayaan sehingga lahir bentuk abstrak maupun semi abstrak. Arca-arca seperti, “Lunar Peaks”(1986), “Keris” (1987), “Vision 2020-Growth Equity” (1993), “Whale and Dolphin” (1998), “Unity in Diversity” (2000), dan “Segerak-One movement, 1Malaysia” (2010) masing-masing mempunyai subjek rujukan yang digunakan didalam melakukan proses pencarian idea sehingga lahirnya arca-arca abstrak tersebut. Melalui kajian yang telah dibuat, jelaslah bahawa keberadaan arca-arca yang bersifat abstrak ini mampu menambah nilai sesuatu lokasi maupun bangunan sekitarnya.

Kesimpulan

Arca awam tampil di bandaraya Kuala Lumpur seawal tahun 1920an dengan pengarca dari luar negara mendominasi penghasilannya. Bersandarkan stail realistik arca tertumpu kepada bentukan figura tokoh-tokoh penjajah. Arca sebegini menguatkan tanggapan masyarakat ketika itu bahawa arca iu adalah sebuah patung sembahsan seperi mana yang dapat dilihat dalam konteks agama Buddha dan Hindu.


Stail abstrak yang dibawa oleh pengarca tempatan merupakan jawapan kepada penolakan arca berbentuk realistik khususnya yang menampilkan imej bernyawa. Stail abstrak yang dibawa oleh kebanyakan pengarca tempatan turut menjadi kayu ukur perkembangan pendidikan seni tampak yang pesat berlaku di Malaysia. Selepas hampir 30 tahun merdeka barulah muncul pengarca tempatan menghasilkan arca awam di Bandaraya Kuala Lumpur. Pendidikan yang diperolehi dari luar negara diguna pakai dalam menangani pemahaman dan pembinaan arca awam yang bersifat abstrak dan moden. Kongres Kebudayaan 1971 dan Konvensyen Akar-akar Pribumi turut menjadi pemangkin kepada pengarca menghasilkan arca abstrak yang mempunyai identiti tempatan. Untuk memberi penampilan moden terhadap bangunan dan persekitarannya, arca awam yang bersifat abstrak mampu menjadi perantaranya. Secarajelasnya arca-arca abstrak ini telah membawa nilai kemodenan seterusnya mampu menjadi antara mercu tanda atau ikon kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Jelaslah bahawa larangan Agama Islam didalam penghasilan arca berbentuk figura dan haiwan bernyawa merupakan sesuatu yang positif dan menjadi pemangkin terhadap pengwujudan arca awam berstailkan abstrak yang kelihatan moden di Bandaraya Kuala Lumpur seterusnya di Malaysia.

Rujukan


- Abdul Halim Husain. 2009. Analisa Visual Seni Arca Moden Malaysia Dalam Pendekatan Kebudayaan. Kertas kerja Seminar Internasional Khazanah Seni Rupa Nusantara. Anjuran Universitas Ganesha. Bali, 7 Oktober.
- Abdullah Mohamed. 1992. Islam Sebagai Teras Falsafah Keindahan Melayu. Kertas Kerja Seminar Islam Dalam Seni Rupa Malaysia: Pencapaian dan Cabaran. 14-15 Oktober .
- Abu Bakar. 1987. dlm. Fifth ASEAN Square Sculpture Symposium, Kuala Lumpur: Balai Seni lukis Negara.
- Ahmadrashidi Hasan. _____. Pendekatan Dalam Menghayati Karya Seni Lukis.
- Baha Zain. 1998. Tradisi Dan Kemodenan: Nasi Campur Dalam Kebudayaan Malaysia. Tradisi , Kemodenan dan Jatidiri, Perak: Yayasan Kesenian Perak:10-15
- Baharudin Md Arus, 1996. Katlog Pameran Seni Arca: Persoalan Tradisi & Pemodenan. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Baharudin Md Arus. 2000. Seni Arca Dalam Budaya Malaysia. Dimensi Arca Dari Koleksi Balai Seni Lukis Negara. Kuala Lumpur: BSLN.
- Balai Seni Lukis Negara. 1976. Tinjauan Seni Arca Moden di Malaysia. Kuala Lumpur: BSLN.
- Balai Seni Lukis Negara, 1987, Katalog Pameran Seni Lukis Malaysia –The collection of The Six Greatly Enrich the Number of Public Sculptures in Kuala Lumpur, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Balai Seni Lukis Negara. 1987. Fifth ASEAN Square Sculpture Symposium, Kuala Lumpur: Balai Seni lukis Negara.
- Balai Seni Lukis Negara. 2004. Masterpiece BSLN- Continuitties: Contemporary Art of Malaysia at The 21st Century. Kuala Lumpur:BSLN
- Bissme, S. 1998. A Sculptor's Legacy. The Sunday Magazine, 4 Oktober: 4-6
- Cavanagh, T. 2007. Public Sculpture Of South London. London: Liverpool University.
- Charles Leonard Hartwell (1873-1951). <http://speel.me.uk/sculpt/hartwell/index.html>

- (2 Mei 2012).
- Cliff. M., Taner .OC., Steven.T. 1995. Urban design – Ornament and Decoration. London: New Dehli: Singapore: Oxford
- Dolorosa Biography. wikipedia.org/wiki/Dolorosa_Sinaga (8 April 2011).
- _____. 2012. Dream Moment with Filipino Sculptor Jerusalino V. Araos. <http://www.Homeact.blogspot>. (9disember 2011)
- Edwin White Design. <http://www.edinwhitedesigns.com> (6 Jun 2011).
- Eyres, P dan Russell, F (pnyt). 2006. Sculpture and the Garsen. England; Ashgate
- Felix de Weldon International Art Gallery.www.felixdeweldon.com/biography.html (4 March 2010)
- _____. Francis Light, <http://ms.wikipedia.org>. (2 Oktober 2007)
- Gooding, Mel. 1998. Public:Art:Space. London: Merrell Holberton publishers
- Han Sai Por. <http://www.hansaipor.com> (12 Jun 2012).
- Ian Findlay, 1996. Sculpture In The Blood, Asia-Pacific Sculpture News (Magzine), Volume 2 number3 Summer 1996
- _____. Inventori Himpunan Tetap Warisan Seni Tampak Negara 1958-2003, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Ismail Zain, 1980. Seni dan Imajan, Kuala Lumpur: Muzium Seni Negara Malaysia.
- Jaffe.A, “Arca” dalam Rupa dan Jiwa
- Jahani Ali, 1991. Seni Dan Sistem Sosial. Shah Alam: FSSR.
- Laura Fan, 1996. A Long Road Ahead, Asia-Pacific Sculpture News (Magzine), Volume 2 number 3 Summer 1996.
- Lee Kian Seng,s Homepage. <http://www.leekianseng.com> (8 Dis. 2010)
- Louis, G. Redstone. 1981. Public art New Direction.USA
- Mohamed Ali Abdul Rahman. 2003. Falsafah Seni dan Estetika: Kajian Perbandingan Estetika Islam Timur dan Barat, Shah Alam: FSSR.
- Mohd. Suhaimi Mohd. Noor & Jamilah Omar. 2008. Perkembangan Seni Visual Dalam Sejarah Perkembangan Sosial Negara. Prosiding Sidang Seni 2008. Hal 21-26.
- Muliyadi Mahamood. 1992. Aliran Seni Moden. Shah Alam: ITM
- Muliyadi Mahamood. 1995. Seni Lukis dalam Peristiwa. Kuala lumpur:DBP
- Muliyadi Mahamood. 2000. Mendekati Seni Lukis Seni Reka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muliyadi Mahamood. 2000. Antara Langit dan Bumi. Kuala Lumpur: Galeri Petronas.
- Muliyadi Mahamood. 2001. Seni Lukis Moden Malaysia- Era Perintis hingga Era Pluralis (1930-1990), K. L: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1998. Kita dan Seni, hari Saban Hari. Dalam Mencari Imej Malaysia Dailog Sastera, Seni Rupa Seni Bina, Perak: Yayasan Kesenian Perak.
- _____. 2012. Neil Lawson Baker. <http://www.Neillawsonbaker.com> (7Mei)
- Nurhanim Khairuddin. 2010. Euforia Selonggok Retorik Nurhanim Khairuddin Tentang Seni. Pulau Pinang: Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM.
- Ooi Kok Chuen. 2010. Lost art In The City. Sunday Star, 23 May: 25
- Osman Bakar. 1997. Falsafah Seni Di dalam Konteks Masyarakat Majmuk Malaysia. Semurni, 1997, hl 5-7, 15-16.
- Othman Yatim. 1999. Mengukir Kegemilangan Lalu.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan Abdullah. 2005. On our Own: Value, Interest and Attitude- From Conception to Construction. International Journal of Design Excellenge. Volume (2): 9-11.
- Ramlan Abdullah. 2009. Public Art vs Syed Ahamd Jamal.www.facebook.com (17 Ogos 2010).

- _____. 1996. Raja Shahrman Raja Aziddin, Kuala Lumpur: Pelita Hati Gallery of Art.
- Ragans,R. 2000. Art Talk, USA: Glencoe/McGraw-Hill
- Ratnawati Jamil. 1996. Wawancara Hijas Kasturi, Seni Bina Moden Bukan Bererti Meminggirkan Budaya. Massa 1996. Hal 30-33
- Read, H. 1967. Art and Society. London: Faber and Faber Reliefs at the Keppel Railway Station. <http://www.publicart.sg> (29 Mac 2010).
- Saiful Fazley Rusli. 2009. Tugu Peringatan Negara-Lambang Perjuangan Perwira. Buletin Tentera Darat Malaysia. Kuala Lumpur. ATM
- Shamsul Amri Baharuddin & Mohamad Fauzi Sukimi. 2007. Bandar sebagai cermin Identiti Bangsa: Perbandingan awal antara Jakarta dan Kuala Lumpur. Akademia 70.
- _____. 2010. Segerak- One Movement,1Malaysia. Kuala Lumpur. Maybank.
- Schoppert,P. 2004. More Trouble Than It Is Worth. What Can We Expect from Public Art in Singapore. Kertas Kerja Seminar “Our Modernities Positioning Asian Art Now” dibentang di Singapura, 3 March.
- Sidi Gazalba. 1974. Sistematika Filsafat, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad.
- Siti Zainon Ismail. 2007. Seni Rupa. Dlm Anwar Din (pnyt.). Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu, hlm 221-235. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Slobodkin, L. 1949. Sculpture Principles And Practice, New York: Dover Publications, Inc.
- Strachan, W, J. 1984. Open Air Sculpture in Britin – A Comprehensive Guide.London: Thames & Hudson.
- Sulaiman Shamsuri. 2004. Research Method for the Social Sciences. Selangor; DSS Publishing Enterprise.
- Suraya Warden. 2010. Public Art In All Its Forms Is A Fun Solution to The Serious Problem of How to Integratet art With City Life In Malaysia. Artmalaysia, Issue 07April-May. 56-59.
- Susanne ,K,L. 1957. Reflection On Art. United State: Baltimore, Com.Inc
- Syed Ahmad Jamal. 1992. Rupa & Jiwa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal. 1996. Art & The Enviroment: The Malaysian Scenario. Kertas kerja yang dibentang di Concorde Hotel, pada 22Mei.
- T.K.Sabapathy. 1976. A View Of Modern Sculpture In Malaysia, Kuala Lumpur: National Art Gallery.
- Tengku Sabri Ibrahim. 2009. Tanpa Tajuk; Cerita-cerita Seni Rupa. Kuala Lumpur: _____
- _____. 1991. Salon Malaysia 1991/1992. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara. 6-9. Tinta Publisher.
- Tjetjep.R.R. 2000. Kesenian Dalam Pendekatan Kebudayaan. Bandung: STISI.
- _____. 1937. The Rubber Research Institute of Malaya. Pejabat Menyiast Hal-ehwal Getah bagi Tanah Melayu. Kuala Lumpur:6
- _____. 2010. KL mayor order to pay artist RM 750,000 for altering sculpture. The Malaysian Insider. 27 May
- Zakaria Ali, 1989, Strategies Developed For The Vsual Arts, Proceeding First ASEAN Symposium on Aesthetics, hal 73-79.
- Zakaria Ali, 2008. Art Criticism As A Form of Knowledge. Prosiding Sidang Seni 2008: 74-79
- Zieman. 2010. Sentuhan Hijjas Unik dan Menjadi Lambang Kebanggaan Negara. <http://mstar.com.my> (14 Mei).




Posture contrapposto arca bersifat realistik yang menggambarkan keangkuhan tokoh-tokoh British yang pernah menjajah Malaysia.




Rajah arca "Tugu Negara"




Arca “Tugu Negara” dilihat dari sudut pandangan belakang




Arca “Bull and Bear” di Bursa Saham Kuala Lumpur




Arca "Bull and Bear" di Bursa Saham Kuala Lumpur



Arca "Keris" yang terletak di Menara Maybank, Kuala Lumpur.




Arca "Puncak Purnama" (2010) dilihat dari 4 sudut yang berbeza.




wahdah. 1997, di Bangunan DBKL



wahdah. 2010, di Laman ASEAN




Arca "Kinetik II" Dalam Kedudukan Berpusing.



Jalanan visual yang terdapat di permukaan sebahagian arca *Segerak- One Movement, 1 Malaysia*.
Jalanan terjadi hasil daripada biasan imej-imej yang terdapat di sekeliling arca.



Arca "Prisma by Axiata" Berlatarbelakangkan Bangunan Pintar di KL Sentral.



Muthalib Musa "A Tale Of Two Boundaries" (2002),Stainless Steel, 3.5 x 0.6 x2.8m,. Lokasi di Fumio Asakura Memorial Park, Japan.